

# Graduan UNISSA perlu amalkan nilai-nilai murni



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (depan, tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA yang berlangsung di Auditorium universiti berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi di negara ini, perlu memainkan peranan penting dalam memastikan para graduan yang dihasilkan itu benar-benar dilengkapi dengan pengetahuan agama yang betul dan mantap serta mampu menjadi benteng yang kukuh terhadap segala anasir-anasir yang tidak selaras dengan ajaran Islam yang diamalkan di negara ini.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, inilah keunikan misi UNISSA, bukan sahaja diharap menghasilkan para graduan yang memiliki ilmu agama yang mantap dan intelektual yang tinggi dari sudut akademiknya, bahkan juga mempunyai sahsiah dan akhlak yang terpuji, berwibawa dan juga bertakwa.

Dalam hal ini menurut Yang Berhormat, UNISSA hendaklah memastikan *environment* pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan di UNISSA ini tidak dicalar, diprovokasi dan dipengaruhi atau dicemari oleh pemikiran-

pemikiran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah.

"UNISSA juga perlu memastikan para pelajarannya akan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) dalam setiap tindak tanduk mereka, sama ada dalam akademik dan juga kehidupan sosial mereka," ujar Yang Berhormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA yang berlangsung di Auditorium universiti berkenaan.

Yang Berhormat juga menasihati seluruh pelajar UNISSA, agar memanfaatkan sepenuhnya peluang mengikuti pengajian di UNISSA ini dan para pelajar perlu sedar bahawa dalam situasi ekonomi global yang tidak menentu ketika ini, mereka perlu sentiasa berusaha melengkapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran agar menjadi graduan yang berdaya saing dan kompetitif.

Oleh sebab itu, Yang Berhormat menyarankan UNISSA supaya sentiasa mengambil kira kadar pengangguran para graduan dan peluang pekerjaan yang sangat kompetitif di negara ini dan di mana perkara ini ujarnya, sering kali telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan baginda menyarankan agar UNISSA dan juga institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di negara ini supaya memastikan program-program yang ditawarkan itu sentiasa relevan dan berkualiti untuk menghasilkan para graduan yang marketable dan *future ready*.

Yang Berhormat menyokong penuh terhadap inisiatif UNISSA dalam menjenama semula 'Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan' menjadi 'Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam' dan menubuhkan fakulti baharu iaitu 'Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam' dan juga mengambil maklum dan menyokong penuh usaha-usaha penelitian semula terhadap program-program akademik yang sedang ditawarkan, ini termasuklah kursus berkaitan 'keusahawanan' yang akan menjadi kursus wajib atau mandatori bagi semua program akademik, sebagai nilai tambah kepada bidang-bidang akademik yang diikut.

"Saya juga optimis terhadap hala tuju dan perancangan UNISSA, terutama sekali dalam usaha menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal dalam masa yang terdekat ini. Saya berharap pusat ini nanti akan menjadi pemangkin kepada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan Anugerah Staf Cemerlang UNISSA kepada seorang penerima.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai 'hub halal global' dan membuka ruang lebih luas terhadap pasaran halal pada peringkat antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat turut berharap agar program-program pengajian yang berkaitan dengan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 yang berjalan ketika ini hendaklah diteruskan, dikukuhkan dan dikembangkan lagi bagi memastikan pelaksanaannya bertambah lancar dan mantap.

Yang Berhormat menambah, begitu juga dengan program-program lain yang menjadi niche UNISSA seperti Tafsir, Hadith, Dakwah, Aqidah, Syariah, Bahasa Arab dan lain-lain lagi yang mampu melahirkan ulama dan sumber tenaga manusia yang bertakwa dan berwibawa.

Menurut Yang Berhormat, UNISSA juga perlu meneroka lebih jauh lagi bidang-bidang baharu yang berkaitan

dengan pembangunan dan keperluan semasa negara dan usaha-usaha yang sedemikian itu, adalah perlu dirancang dengan rapi bagi memastikan para graduan UNISSA menjadi generasi mapan dan mampu merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Penubuhan UNISSA Ke-10.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian Anugerah Staf Cemerlang UNISSA oleh tetamu kehormat kepada 10 penerima bagi empat kategori, iaitu Kategori Anugerah Kecemerlangan Pengajaran, Kategori Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan (*Senior Career*), Kategori Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan (*Junior Career*) dan Kategori Anugerah Kecemerlangan Pentadbiran dalam Bahagian Kakitangan Am dan Bahagian Pengurusan dan Profesional Bahagian I dan II.

## Rancang tubuhkan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) beriltizam untuk mengorak langkah mengembangkan lagi fakulti dan pusat kecemerlangan akademiknya pada masa akan datang sejajar dengan tuntutan dan keperluan semasa.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal terdahulu berkata, UNISSA ketika ini sedang merancang untuk menubuhkan sebuah Pusat

Kecemerlangan Penyelidikan Halal di UNISSA dalam usaha membantu Kerajaan Negara Brunei Darussalam merealisasikan wawasannya untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai hub halal global bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua semasa Hafl Al-Takharruj Ke-6 UNISSA baru-baru ini.

Perkara demikian dijelaskan oleh Rektor UNISSA pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA yang berlangsung di Auditorium universiti berkenaan.

Menurutnya, seperkara yang menarik dalam perkembangan UNISSA ialah, dengan wujudnya sebuah pusat kecemerlangan penyelidikannya yang unggul dan relevan dengan keperluan semasa negara iaitu Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) yang mana pusat ini memainkan peranan penting dalam memelihara dan memperkukuh Mazhab Syafi'i sebagai teras pegangan masyarakat Islam di negara ini sejajar dengan Perlembagaan Negara Brunei 1959, Bab 3 (1) yang mengkanunkan Islam sebagai agama rasmi negara mengikut fahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Syafi'i.

Beliau menambah, pusat ini mula menawarkan program Ijazah Sarjana Mazhab Syafi'i dan Ijazah Doktor Falsafah Mazhab Syafi'i pada sesi pengajian lepas yang mana penawaran

ini adalah selaras dengan hasrat dan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan pusat ini sebagai hub rujukan, kajian dan penyelidikan serantau dan antarabangsa dalam bidang Mazhab Syafi'i.

Dari segi keramaian graduan yang telah dihasilkan tambahnya, sehingga kini, UNISSA telah melahirkan seramai 908 graduan yang mana 13 graduan telah menerima Ijazah Doktor Falsafah, 192 Ijazah Sarjana dan 488 Ijazah Sarjana Muda dan dari jumlah 488 graduan penerima Ijazah Sarjana Muda ini, sebahagian mereka telah berkhidmat di sektor kerajaan dan swasta manakala selebihnya sedang melanjutkan pengajian dan mencari pekerjaan.

"Bagi memastikan kualiti tenaga akademik, UNISSA telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)nya tersendiri dengan merujuk KPI yang digunakan oleh universiti-universiti Islam yang berprestij di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini diketengahkan bagi memastikan setiap tenaga akademiknya memiliki kualiti dan kepakaran yang diharapkan sejajar dengan garis pandu Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik yang berkuat kuasa sejak April 2014 yang lalu, tanpa menjejaskan peranannya sebagai sebuah universiti Islam tulen," ujarnya.

Menurutnya lagi, UNISSA juga mengambil perhatian berat terhadap

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

perkembangan penyelidikan di UNISSA dalam menyediakan geran penyelidikan kepada tenaga akademiknya dalam usaha menggalakkan mereka terlibat secara aktif dalam bidang penyelidikan yang dapat membantu pembangunan sosio-agama di Negara Brunei Darussalam dan Alhamdulillah, dengan adanya inisiatif ini, sebahagian tenaga akademik UNISSA telah menjalankan penyelidikan bersama dengan para ilmuwan dan cendekiawan dari universiti luar negara.

Beliau menambah, sebahagian yang lain pula telah melaksanakan penyelidikan bersama dengan agensi-agensi kerajaan terutama dalam menangani isu sosial di negara ini seperti penyelidikan yang dilaksanakan bersama Biro Kawalan Narkotik dalam isu penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam.

Beliau berkata, kesungguhan UNISSA dalam mengembangkan penulisan ilmiah dan memperkaya khazanah ilmu Islam juga terserlah dengan tertubuhnya Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) di UNISSA dan sehingga 2016, UNISSA telah berjaya menerbitkan sebanyak 121 buah buku ilmiah dalam pelbagai bidang dan bahasa yang menjadi bahan rujukan bagi pelajar-pelajar dan ahli-ahli akademik

serta orang ramai.

Tambahnya, di antara yang menarik perhatian ialah Jurnal Berwasit Antarabangsa, 'Jurnal al-Shafi'i' yang mengetengahkan artikel-artikel ilmiah dalam pelbagai bidang yang berkaitan Mazhab dan Imam al-Shafi'i dan penerbitan Ensiklopedia Negara Zikir yang mana Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i juga dalam proses menerbitkan Ensiklopedia Mazhab Shafi'i yang akan menjadi rujukan rantau ini.

"UNISSA juga terus berusaha untuk memainkan peranannya dan mengukuhkan hubungannya dengan universiti-universiti lain di peringkat serantau dan antarabangsa. Alhamdulillah, UNISSA kini telah menjalin hubungan kerjasama strategik melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Persefahaman (MoA) dengan 60 buah universiti dan badan profesional peringkat serantau dan antarabangsa," ujarnya.

Penandatanganan Persefahaman bagi mewujudkan kerjasama dua hala ini katanya, menunjukkan satu pengiktirafan peringkat antarabangsa, sekali gus menggambarkan bahawa kehadiran UNISSA dalam dunia akademik kini semakin diterima di peringkat global.